

27/04/2002

Penyelesaian isu MCA teka-teki pilihan raya

Teh Kean Keat; Magendran Rajagopal

AKHBAR-akhbar berbahasa Cina memberi komen amat positif berhubung penyelesaian konflik dalam MCA. Akhbar itu menyifatkan persetujuan kedua-dua kumpulan yang bertelagah mengekalkan kepemimpinan sedia ada sehingga 2005 membolehkan Barisan Nasional (BN) dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat perancangan untuk mengadakan pilihan raya, kemungkinan tahun depan.

Rabu lalu, penganalisis Nanyang Siang Pau menyatakan keyakinannya bahawa pilihan raya umum akan diadakan lebih awal. Ini berdasarkan penyelesaian konflik MCA yang berjaya mententeramkan suasana politik semasa. Parti pembangkang meramalkan pilihan raya diadakan hujung tahun depan. Tetapi berdasarkan keadaan semasa ia mungkin diadakan lebih awal.

Akhbar itu mengakui walaupun kerjasama antara kedua-dua kumpulan itu dilihat dari segi fizikal saja, ia bukanlah soal penting. Apa yang lebih penting, kedua-dua kumpulan dapat mencapai kata sepakat untuk menyelesaikan konflik sesama sendiri.

Penulis itu meramalkan selepas ini wartawan akan bermain teka teki dengan Perdana Menteri mengenai tarikh pilihan raya umum akan datang berikutan selesainya isu MCA.

Penganalisis politik Nanyang Siang Pau pula menulis tugas paling penting bagi MCA sekarang ialah mencari jalan mengekalkan imejnya di kalangan masyarakat Cina dan membantu BN mendapatkan sokongan pengundi Cina.

Beliau berpendapat, faktor utama yang mendorong menyatukan kedua-dua kumpulan itu ialah semata-mata untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang. Walaupun kedua-dua pihak sudah bersatu, ia tidak bermakna isu ahli hantu sudah selesai. Ia tetap berpotensi menggugat hubungan mereka. Jika masalah itu tidak diselesaikan segera, BN dikhuatiri menanggung akibat lebih teruk jika ia timbul semula.

Lidah pengarang Nanyang Siang Pau, Rabu lalu berpendapat, kedua-dua puak perlu menghapuskan perselisihan faham dan mengembalikan perpaduan dalam parti. Pemimpin terbabit perlu berunding dan bertolak ansur secara rasional demi kepentingan bersama.

Akhbar itu bimbang jika krisis MCA berterusan, ia akan melemahkan parti itu dan tidak mendatangkan sebarang manfaat kepada masyarakat Cina.

Penganalisis Sin Chew Jit Poh, Rabu lalu berpendapat, agenda perdamaian yang dicapai kali ini hanya akan menangguhkan pemilihan parti tiga tahun lagi, bukannya menyelesaikan dendam antara mereka yang terbabit.

Melalui agenda itu, Kumpulan A dan B masing-masing mendapat kelebihan dan kekurangannya. Bagi Kumpulan A yang bertegas tidak mahu senarai keahlian baru diperiksa, ia adalah satu kelegaan bagi mereka kerana Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik tidak perlu menghadapi cabaran daripada Kumpulan B.

Akhbar Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Nanban (Nanban) pula memaparkan laporan mengenai tindakan kerajaan Pas mengharamkan pelancong memakai pakaian mandi seperti bikini serta mewajibkan pembinaan kolam renang berasingan bagi lelaki dan wanita.

Ruangan surat pembaca kedua-dua akhbar berkenaan menunjukkan ramai berpendapat tindakan itu agak keterlaluan. Tindakan itu boleh menjejaskan sektor pelancongan negeri itu, yang menjadi antara sumber ekonomi utama menerusi kemasukan pelancong asing.

Malah, seorang pembaca Nanban berpendapat tindakan Pas itu tidak menghiraukan sentimen kaum lain.

Ia jelas menunjukkan ketidakmampuan mereka mentadbir negeri. Akhbar itu menganggap tindakan kerajaan negeri itu sebagai tidak matang.

Sementara itu seorang lagi pembaca Nesan mempersoalkan sama ada rakyat bukan Islam dari negeri lain yang melancong ke Kelantan atau Terengganu terpaksa akur kepada syarat terbabit, apa akibatnya jika ada yang melanggar peraturan berkenaan dan apa pula pendiriannya jika seorang bapa mandi bersama anak perempuannya untuk menjamin keselamatan.

Lidah pengarang Nesan dan Nanban juga melaporkan agenda negara Islam Pas sudah tentu tidak dapat diterima oleh rakyat kaum lain di negara ini sekiranya mereka terus memperkenalkan peraturan serta syarat yang tidak praktikal, keterlaluan serta sukar diterima pakai.

Dalam perkembangan lain, Nesan turut melaporkan kekecewaan beberapa belia berbangsa India kerana permohonan mereka menyertai Polis Diraja Malaysia (PDRM) ditolak atas alasan yang remeh serta tidak masuk akal walaupun semua syarat asas sudah dipenuhi.

Justeru, akhbar itu meminta cawangan pengambilan Bukit Aman bersikap lebih telus dan adil apabila memilih calon, terutama jika membabitkan individu berbangsa India atau Cina dan tidak hanya merungut bahawa golongan bukan Melayu tidak cenderung menyertai PDRM.

Nanban pula melaporkan kenyataan Timbalan Presiden MIC, Datuk S Subramaniam bahawa parti itu akan memohon menerusi Jawatankuasa Perhubungan MIC Terengganu supaya penduduk Terengganu berbangsa India turut diberi peruntukan wang ihsan.

Katanya, satu kertas cadangan mengenai cara wang berkenaan dibelanjakan akan dikemukakan kepada Kerajaan Pusat dalam sedikit masa lagi memandangkan tidak banyak peruntukan disediakan oleh kerajaan Pas untuk rakyatnya yang berbangsa India.

Tidak ketinggalan, kisah adik Ketua Pemuda MIC Sungai Lalang yang mati dibunuh tiga lelaki bersenjatakan parang di Taman Eik Ann, Semenyih mendapat liputan meluas Nesan dan Nanban.

Kedua-dua akhbar melaporkan bahawa tragedi itu mendedahkan bahawa kegiatan gangsterisme dan keganasan masih lagi menjadi masalah utama masyarakat India tempatan walaupun MIC menerusi sayap pemudanya sudah melakukan pelbagai usaha membendung gejala itu, termasuk melancarkan kempen membanteras keganasan tidak lama dulu.

(END)